



SALAM QURBAN & AKIKAH 2025

APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

Jual Beli As-Salam adalah kontrak syariah yang digunakan untuk semua pakej yang disediakan oleh pihak Salam Akikah Korban.

► As-Salam = tempahan awal dengan bayaran penuh, barang diterima kemudian.

Contoh dalam konteks Qurban:

Pelanggan bayar harga lembu hari ini (sebelum sembelihan), tapi sembelihan akan dibuat pada hari raya Haji nanti serta diberikan bukti bergambar pada masa yang telah dipersetujui.

(Perlaksanaan pada hari Qurban dan hari Tasyrik; gambar dan sijil akan diserahkan dalam tempoh 7 hingga 30 hari dari hari Qurban.)

APAKAH LAFAZ AKAD JUAL BELI AS-SALAM?

IJAB:

Akad (seperti dalam borang online — lintaskan sahaja dalam hati, kecuali untuk Qurban Nazar yang perlu dilafazkan secara jelas dan bersuara sebelum klik butang submit).

Contoh lafaz:

> Saya (nama) mewakili perlaksanaan (niat, pembelian, sembelihan, agihan) kepada pihak perlaksana di Kemboja melalui Urusetia Program atas nama-nama di atas kerana Allah Ta'ala.

QABUL: (Secara automatik bagi pihak Salam Akikah Korban setelah kami menerima pesanan anda.)

> Saya menjual korban/akikah tersebut melalui Jual Beli As-Salam kepada pihak tuan/puan dan akan menguruskan pelaksanaannya pada tahun ini kerana Allah Ta'ala.

SOALAN BIASA DITANYA MENGENAI AKAD

Apakah maksud lafaz akad?

Lafaz akad merujuk kepada skrip atau teks yang digunakan dalam medium transaksi online sebelum klik butang submit pada borang online. Peserta perlu memilih kotak persetujuan sebelum boleh meneruskan transaksi.

Bagaimanakah akad secara online dilakukan dalam transaksi Islam?

Ya, ia boleh dilakukan. Dalam transaksi Islam, terdapat ****ijab dan qabul****, iaitu persetujuan antara pembeli dan penjual melalui pernyataan lisan atau dokumen bertulis (borang online).

Perbuatan pelanggan yang secara sedar mendaftar dan klik pada kotak penerimaan akad sudah memadai untuk membuktikan bahawa peserta sedar dan setuju mendaftar.

Perluakah lafaznya diucapkan kepada pewakilan?

Tidak perlu. Tiada bacaan khusus yang wajib untuk niat korban. Seseorang yang ingin melaksanakan ibadah korban boleh berniat di dalam hati sahaja.

Contohnya:

> "Sahaja aku melakukan korban sunat kerana Allah Ta'ala."

Contoh lafaz niat juga boleh dirujuk di dalam borang online.

Bolehkah wakil membuat akad bagi pihak peserta?

Ya, wakil dibenarkan untuk membuat akad, tetapi perlu memberitahu atau mendapatkan keizinan daripada individu yang hendak melaksanakan Qurban tersebut.

APAKAH SYARATNYA?

Apabila saya bersetuju membeli, ini bermakna:

1. Menempah haiwan korban berdasarkan spesifikasi yang ditawarkan.
2. Membayar harga haiwan korban yang ditempah.
3. Jika membeli kurang daripada seekor, saya bersetuju berkongsi pemilikan dengan peserta lain.
4. Bersetuju untuk memberi kuasa kepada Salam Akikah Korban untuk menentukan lokasi, menyembelih, dan mengagih daging korban.
5. Mendapatkan gambar sembelihan dan e-sijil melalui sistem ***Semak Status***, yang juga akan diemelkan kepada peserta dalam tempoh 7 hingga 30 hari dari hari Qurban dilaksanakan.

APA YANG AKAN DITERIMA OLEH PELANGGAN?

Pelanggan akan menerima:

1. SMS pengesahan selepas mendaftar.

2. Salinan tempahan dan resit pembayaran melalui e-mel.
3. Pautan ke portal peribadi peserta untuk melihat gambar, sijil, salinan tempahan, dan resit.
4. Pengesahan pelaksanaan sembelihan di ****Portal Semak Status****, yang juga akan diemelkan kepada peserta atau boleh diakses melalui portal peribadi.

Nota:

Kemaskini secara lintas langsung tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan masa, lokasi, dan liputan internet yang terhad di kawasan pedalaman Kemboja.

Diharap para peserta memahami cabaran dalam melaksanakan Qurban di kawasan terpencil dan miskin sebegini.

5. Gambar digital dan e-sijil akan dimuat naik ke portal peribadi peserta dalam tempoh 7 hingga 30 hari mengikut giliran. E-mel makluman akan dihantar kepada peserta sebaik sahaja ia tersedia.

Terima kasih.

SALAM AKIKAH KORBAN 2025